

# Kontraktor bumiputera bakal raih RM3.7b bina landasan berkembar

Oleh HELMI MOHD. FOAD

PUTRAJAYA 4 Feb. - Kontraktor dan pembekal bumiputera bakal meraih kontrak bernilai RM3.7 bilion dalam projek Landasan Kereta Api Berkembar Ipoh-Padang Besar sejauh 329 kilometer.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pakej kerja itu dikeluarkan secara berperingkat-peringkat mulai bulan ini melibatkan 62 pakej kepada kontraktor kelas A dan 69 pakej kelas B.

Menurutnya, sebanyak 180 kontraktor kelas A hingga D telah dikenal pasti untuk mengambil ba-

**Sebanyak 180 kontraktor kelas A hingga D telah dikenal pasti untuk mengambil bahagian dalam tender terhadap membabitkan 335 pakej kerja**

hagian dalam tender terhadap membabitkan 335 pakej kerja membina landasan kereta api dari ibu negeri Perak ke Padang Besar, Perlis.

Pakej kerja tersebut membabitkan pembinaan jambatan, trek, perparitan, bangunan, stesen, pengagihan utiliti dan landskap.

"Kerajaan akan terus berusaha membantu kontraktor bumipu-

**NAJIB TUN RAZAK**  
Timbalan Perdana Menteri

tera tetapi pada masa sama mereka perlu berusaha keras membantu diri mereka sendiri dengan meningkatkan keupayaan dan kecekapan," katanya.

Najib berkata demikian ketika berucap pada majlis penyerahan surat setuju terima kepada subkontraktor bagi projek Landasan Kereta Api Berkembar

Ipoh-Padang Besar di pejabatnya di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi Norwawi.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Awam kemudian menyampaikan surat setuju terima (LoA) kepada 24 kontraktor bumiputera dan 10 konsultan bagi pelbagai kerja projek itu bernilai lebih RM400 juta.

■ Lihat muka 2



Kontraktor bumiputera bakal raih RM3.7b bina landasan berkembar

Projek infrastruktur bernilai RM14.5 bilion itu dibangunkan oleh Konsortium Malaysia Mining Corporation Berhad dan Gamuda Berhad (MMC-Gamuda).

Menurut Najib, kerajaan sedang menimbang untuk memberi lebih kerja kepada kontraktor yang mempunyai tahap prestasi lebih tinggi selain akan memastikan pembayaran kepada subkontraktor dilunaskan dalam tempoh 30 hari.

"Sekiranya (subkontraktor) gagal, tindakan memberhentikan kerja akan diambil. Ini penting kerana kita tidak mahu kegagalan sebilangan kecil kontraktor mengakibatkan kelewatan dalam pelaksanaan projek itu yang ditetapkan selama lima tahun," kata beliau.

Najib juga berkata, beliau berserta Menteri Kewangan Kedua, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pengangkutan akan memantau kemajuan projek itu yang akan mentransformasikan sistem pengangkutan kereta api di negara ini.

"Saya ingin ingatkan konsortium, kontraktor bumiputera dan jabatan kerajaan yang terlibat bahawa kelewatan dan kegagalan bukan satu pilihan," tegasnya.

Beliau memberitahu, landasan kereta

api berkembar itu merupakan projek infrastruktur yang akan memberikan impak besar kepada pertumbuhan ekonomi negara selain menjadi pelengkap kepada inisiatif Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Apa yang lebih penting, katanya, pelaksanaan projek tersebut dijangka memberikan kesan limpahan ekonomi dengan Perak dianggarkan bakal menikmati peningkatan pertumbuhan 8.1 peratus, Pulau Pinang (6.8 peratus), Kedah (8.7 peratus) dan Perlis (12 peratus).

"Selain itu, kajian oleh Bank Pembangunan Asia (ADB) mendapati projek tersebut akan meningkatkan taraf sosio-ekonomi negara yang dinilai melalui kadar pulangan dalaman ekonomi iaitu sebanyak 14.7 peratus berbanding kadar biasa sebanyak 10 peratus hingga 12 peratus bagi projek pengangkutan," katanya.

Beliau menambah, projek berkenaan dijangka mencipta 105,000 peluang pekerjaan merangkumi perkhidmatan pengurusan, profesional, perkeranian dan buruh mahir selain memberi kesan limpahan setempat kepada sektor perumahan, makanan, perhotelan, hiburan dan peruncitan.